

TARIKH : 25/1/2023

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

# 'Ada ejen minta RM30,000'

Lapor kepada KJRI jika ejen kenakan caj lebih RM15,000 untuk orang gaji dari Indonesia

JOHOR BAHRU

Konsulat Jeneral Republik Indonesia (KJRI) Johor Bahru mengingatkan rakyat Malaysia yang dikenakan bayaran melebihi RM15,000 oleh ejen bagi mendapatkan pembantu rumah dari negara itu supaya membuat laporan kepada pihaknya.

Konsul Jeneral KJRI Johor Bahru, Sigit S Widiyanto berkata, ia susulan pihaknya masih menerima aduan terdapat ejen yang mengenakan bayaran melebihi had RM15,000 berdasarkan memorandum persefahaman (MoU) bagi pengambilan dan perlindungan perkhidmat domestik Indonesia (PDI) yang dimeterai kedua-dua negara tahun lalu.

"Berdasarkan MoU itu, had maks-

mum kos dikenakan ejen bagi mendapatkan pekerja domestik adalah tidak melebihi RM15,000 namun kita masih terima aduan ada ejen mengenakan bayaran sehingga RM20,000, ada RM28,000 dan sampai RM30,000.

"Jika masih ada ejen yang mengenakan lebih RM15,000, sila lapor kepada KJRI untuk pihak kita cegah dari ia terus berlaku," katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra KJRI Johor Bahru bersama Kelab Media Johor di ibu pejabatnya di sini pada Selasa.

Sigit berkata, MoU ditandatangani pada April tahun lalu bertujuan memberikan perlindungan kepada kedua-dua pihak iaitu pekerja asing dan majikan.

"Sejak MoU ini termeterai, dianggarkan sekitar 1,000 permohonan bagi mendapatkan pekerja domestik warganegara Indonesia telah dibuat setakat ini dan jumlah tersebut dijangka akan terus meningkat berdasarkan permintaan semasa," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Sigit menyertai warga Indonesia yang berada



SIGIT

dalam negara ini tanpa memiliki permit sah agar memanfaatkan program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 yang akan tamat akhir tahun ini.

"Kita akui mungkin masih ramai majikan di negara ini yang menawarkan pekerjaan kepada warga Indonesia secara tidak sah dan ramai juga rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia menggunakan visa pelancong tetapi tidak pulang selepas tempoh 30 hari tamat."

"Jadi dengan adanya program RTK 2.0 dilaksana kerajaan Malaysia, kita menyertai majikan dan juga rakyat Indonesia tanpa permit kerja sah untuk membuat permohonan terus bagi mendapatkan dokumen diperlukan," jelasnya.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, kerajaan bersetuju melanjutkan semula Program RTK 2.0 yang mana semua pendatang asing di negara ini diberikan pilihan untuk pulang atau bekerja tetapi perlu tampil berdaftar dengan caj bayaran tertentu. - Bernama